

**PARLIMEN: Program 1AZAM Terima 90,403 Penyertaan Sehingga Ogos Bernama  
9 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Dewan Rakyat ddiberitahu bahawa Program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin), yang dilancarkan pada 2010 untuk meningkatkan ekonomi golongan berpendapatan rendah termasuk membantu mereka memulakan perniagaan, telah menarik penyertaan 90,403 orang sehingga Ogos lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata penyertaan daripada pelbagai kaum dan agama itu menampakkan keberkesanan program itu selaras dengan usaha kerajaan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.

"1AZAM adalah program peningkatan pendapatan yang mencakupi semua elemen iaitu memberikan bantuan perniagaan berdasarkan minat dan kemahiran, menjalankan pemantauan intensif seterusnya memastikan peserta-peserta berjaya meningkatkan pendapatan keluarga," katanya dalam jawapan bertulis kepada Datuk Abd Rahman Dahlan (BN-Kota Belud) di Dewan Rakyat di sini, Selasa.

Abd Rahman ingin tahu sama ada kerajaan ada menimbang pendekatan baru dalam membasmi kemiskinan di dalam negara.

Najib yang memangku jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata pendekatan 'kebijakan produktif' sama seperti program 1AZAM akan terus dipertingkatkan dalam usaha membantu golongan itu melepasi pendapatan garis kemiskinan.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Dr Tiki Anak Lafe (BN-Mas Gading) yang ingin tahu tindakan ke atas pihak yang menyebarkan laporan yang memandang rendah terhadap golongan wanita negara, Najib berkata kerajaan amat memandang serius perkara itu dan ia bertentangan dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang menjadi asas dalam penghapusan diskriminasi berasaskan gender.

Beliau berkata ia bertentangan dengan pengiktirafan kerajaan terhadap kesaksamaan gender selaras dengan peruntukan dalam Konvensyen bagi penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita (CEDAW) yang diratifikasi Malaysia pada 1995.

"Kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha memperluas perspektif kesaksamaan gender di seluruh negara termasuk menyediakan Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Seminar Kepekaan Gender, Seminar Literasi Undang-undang dan Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita," katanya.

Dalam jawapan bertulis kepada Datuk Dr Marcus Mojigoh (BN-Putatan) dan Ahmad Kasim (PKR-Kuala Kedah) mengenai usaha kerajaan membanteras ancaman buli siber di kalangan kanak-kanak di dalam negara, Najib berkata antara lain, kerajaan menjalin kerjasama dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menjalankan program kesedaran keselamatan di dunia siber.

"Antaranya ialah Persatuan Generasi Gemilang dengan program 'Mentoring the Internet Generation Online and Offline dan 'PS the Children' dengan program 'Keeping Me Safe,'" katanya.

Menurutnya sehingga September lepas, program itu berjaya dijalankan di 228 sekolah di seluruh negara.

Dalam usaha menangani ancaman siber, beliau berkata kerajaan dengan kerjasama agensi dan jabatan kerajaan turut mengadakan Seminar Perlindungan Online Kanak-kanak, buku panduan keselamatan di internet untuk kanak-kanak, program CyberSAFE, dan kursus kemahiran keibubapaan.

Najib juga berkata kerajaan bimbang dengan ancaman siber terhadap kanak-kanak terutamanya pembulian siber.

Daripada 60.9 peratus kadar penembusan internet di Malaysia sehingga tahun lepas, beliau berkata keberangkalan ancaman dunia siber kepada pengguna termasuk kanak-kanak juga adalah tinggi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700699>